

Penduduk S'apura kian terima andai calon PM atau Presiden Melayu, India : Dapatan tinjauan CNA-IPS

Berita Harian, 2 April 2022

RAKYAT Singapura semakin menerima seandainya calon Perdana Menteri negara ini datangnya daripada kaum Melayu atau India.

Menurut edisi kedua tinjauan oleh CNA dan Institut Pengajian Dasar (IPS) mengenai hubungan kaum yang dijalankan tahun lalu, lebih ramai responden berkata mereka boleh menerima calon Melayu warga Singapura (69.6 peratus) atau calon India warga Singapura (70.5 peratus) sebagai Perdana Menteri.

Menurut pengkaji, jumlah itu adalah lebih tinggi berbanding hasil dapatan kajian sebelum ini yang dijalankan pada 2016, dengan 60.8 peratus responden berkata mereka selesa dengan Perdana Menteri berbangsa Melayu manakala 64.3 peratus responden berkata mereka selesa dengan Perdana Menteri berbangsa India.

Hampir semua responden, atau 96.8 peratus, boleh menerima calon Cina warga Singapura sebagai Perdana Menteri, naik sedikit berbanding 95.6 peratus yang berpendapat sedemikian pada 2016.

Pengkaji turut mendapati bahawa responden Cina, Melayu dan India masing-masing lebih suka Perdana Menteri yang sama bangsa dengan mereka.

Dalam kalangan responden Cina, hampir kesemua mereka atau 98.9 peratus berkata mereka selesa dengan Perdana Menteri Cina warga Singapura.

Sekitar 63.9 peratus daripada mereka boleh menerima Perdana Menteri Melayu manakala 65.8 peratus daripada mereka boleh menerima Perdana Menteri India.

Sementara itu, 92.6 peratus daripada responden Melayu boleh menerima Perdana Menteri Melayu warga Singapura.

Namun, sekitar 87.5 peratus daripada mereka rasa selesa dengan Perdana Menteri Cina manakala 80.4 peratus daripada mereka boleh menerima Perdana Menteri India.

Dalam kalangan responden India pula, 91.9 peratus daripada mereka boleh menerima Perdana Menteri India warga Singapura sementara 90.3 peratus daripada mereka selesa dengan Perdana Menteri Cina dan 80.8 peratus pula boleh menerima Perdana Menteri Melayu.

Bagi jawatan Presiden, jumlah mereka yang berkata mereka boleh menerima seandainya Presiden negara ini datangnya daripada kaum Melayu atau India turut meningkat.

Sekitar 82.2 peratus responden berkata mereka selesa dengan Presiden Melayu warga Singapura, naik daripada 65.5 peratus yang merasakan begitu dalam kajian yang dijalankan sebelum ini pada 2016.

Kira-kira 82 peratus responden pula berkata mereka boleh menerima Presiden India warga Singapura, naik daripada 70.6 peratus yang berkata demikian pada 2016.

Dalam laporan 255 halaman itu, pengkaji turut mencadangkan bahawa kenaikan jumlah responden yang boleh menerima Presiden yang bukan berbangsa Cina mungkin disebabkan Presiden Singapura yang sedang berkhidmat sekarang, Puan Halimah Yacob, ialah seorang Melayu.

“(Ini dapat) menghapuskan prasangka awal bahawa seorang Melayu tidak sesuai bagi jawatan tertinggi di negara ini,” menurut pengkaji dalam laporan itu.

Bagaimanapun, kebanyakan responden sangat tidak selesa dengan jawatan Presiden atau Perdana Menteri dipegang warga baru dari mana-mana negara.

Kurang 10 peratus daripada mereka berkata mereka selesa dengan warga baru sebagai Presiden atau Perdana Menteri, rata-rata sama dengan hasil kajian pada 2016.